

06 JANUARI 2017

Sindiket proses dadah bernilai RM2.4 juta di rumah flat

12 NEGARA

KOSMO! JUMAAT 6 JANUARI 2017

Sindiket proses dadah bernilai RM2.4 juta di rumah flat



AZMI (dua dari kanan) menunjukkan sebahagian daripada dadah dan peralatan memproses bahan terlarang tersebut yang dirampas pada sidang akhbar di IPD SPU, Seberang Perai semalam.

Oleh SYALMIZI HAMID

SEBERANG PERAI - Satu sindiket memproses dadah di daerah Seberang Perai Utara (SPU) tumpas selepas polis menyerbu sebuah rumah flat yang dijadikan makmal memproses dadah di Butterworth di sini kelmarin.

Dalam serbuan pukul 2.15 pagi itu, polis turut menahan dua lelaki dan merampas sejumlah dadah dalam bentuk cecair dan serbuk yang dianggarkan bernilai kira-kira RM2.4 juta.

Ketua Polis Daerah SPU, Asisten Komisioner Azmi Adam

berkata, pihaknya menahan seorang lelaki berusia 40 tahun ketika serbuan pertama dan menjumpai makmal dadah berkenaan.

“Siasatan kita mendapati suspek dipercayai menjadikan rumah flat itu sebagai makmal bagi memproses dadah.

“Kita turut menjumpai dua pekot plastik lutsinar berisi bahan disyaki dadah jenis syabu seberat 9 gram (g), cecair disyaki dadah seberat 76 kilogram (kg) dan peralatan bagi memproses dadah syabu,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) SPU di Kepala Batas di sini semalam.

Menurut Azmi, susulan penahanan itu, pihaknya menyerbu sebuah rumah lain di Ampang Jajar, Mak Mandin, Butterworth kira-kira pukul 5 pagi dan menahan seorang lelaki berusia 32 tahun.

“Di lokasi itu, kita merampas satu pekot plastik lutsinar disyaki dadah jenis syabu (1.2g) dan cecair disyaki dadah (1.2 kg). Ini menjadikan jumlah rampasan bagi kes ini di kedua-dua lokasi serbuan ialah kira-kira RM2.4 juta,” katanya lagi.

Azmi berkata, suspek ditahan reman selama seminggu sehingga Selasa depan bagi membantu siasatan.